

08 FEBRUARI 2018

Dadah eksport RM4.5j



KANG (kiri) menunjukkan dadah dan peralatan memproses dadah pada sidang media di Ibu Polis Daerah Gombak.



SEBAGIAN peralatan memproses dadah yang dirampas.

08-02-2018

setempat

7

Dadah eksport **RM4.5j**

■ Tujuh ditahan cuba seludup 28.1kg serbuk ekstasi ke Aceh

Teoh Pei Ying
news@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Polis menumpaskan satu sindiket yang dipercayai menghasilkan dadah sebelum dieksport ke Aceh, Indonesia dengan penahanan tujuh individu, selain merampas pelbagai jenis dadah yang dianggarkan bernilai RM4.5 juta dalam lima serbuan di sekitar Lembah Klang, Isnin lalu.

Difahamkan, sindiket berkenaan menggunakan laluan udara untuk membawa keluar dadah. Timbalan Pengerah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman Datuk Kang Chez Ching berkata, tujuh suspek berusia antara 29 hingga 52

tahun itu ditahan di lima lokasi di Rawang dan Gombak di Selangor serta di ibu negara.

Suspek terdiri daripada lima lelaki dan dua wanita ditahan antara jam 7.30 hingga 10.15 malam Isnin lalu oleh Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING).

"Antara dadah yang dirampas ialah 28.1 kilogram (kg) serbuk ekstasi, 1.6kg syabu dan 6,690 pil yaba.

"Serbuan pertama di Jalan Loke Yew di sini, polis menahan seorang lelaki yang membawa ke sebuah kondominium di Templer Park, Rawang yang dijadikan makmal mini dadah."

"Kami menemui pelbagai jenis dadah dan peralatan digunakan untuk memproses bahan terlarang itu di kediaman terbabit," katanya

66

Serbuan pertama di Jalan Loke Yew, polis menahan seorang lelaki yang membawa ke sebuah kondominium di Templer Park, Rawang yang dijadikan makmal mini dadah"

Kang

ketika sidang media di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Gombak, semalam.

Kang berkata, pihaknya kemudian menahan dalam sindiket bersama teman wanitanya warga Vietnam di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, dekat Gombak.

"Seorang lelaki ditahan di Taman Setia Jaya, Rawang, dan tiga lagi termasuk se-

orang wanita ditahan di Jalan Loke Yew di sini.

"Dengan penahanan itu, polis berjaya menumpaskan sindiket yang menghasilkan dan menyeludup ekstasi untuk pasaran tempatan dan Indonesia.

"Bahan itu bernilai tiga kali lebih tinggi kira-kira RM13.5 juta di Aceh," katanya.

Bellau berkata, sindiket berkenaan dipercayai memperoleh bekalan dari luar negara dan aktif lebih dari enam bulan.

Turut dirampas wang tunai bernilai RM147,000, tiga kereta, jam tangan, pelbagai barang kemas dan mata wang Vietnam bernilai RM140.

Bellau berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.